



PENULISAN REFLEKSI



Objektif Umum

Peserta dapat mengetahui mengenai:

- **Konsep refleksi**
- **Penilaian sendiri**
- **Jurnal reflektif**



Refleksi

Satu pemikiran secara mendalam di mana seseorang itu akan memikirkan atau merenung semula situasi yang telah dilalui untuk menganalisis apa yang telah dilakukan dan mengapa dilakukan sedemikian

(Woolfolk, 1995)

Jenis-jenis Refleksi (Schon, 1987)

1. **Refleksi ke atas tindakan (reflection-on-action)**
 - refleksi terhadap praktis, tindakan dan pemikiran seseorang selepas sesuatu sesi praktis
2. **Refleksi semasa tindakan (reflection-in-action)**
 - refleksi terhadap fenomena, pemikiran dan tindakan semasa praktis
3. **Refleksi untuk tindakan (reflection-for-action)**
 - hasil yang diperlukan daripada kedua-dua jenis refleksi
 - tujuan
 - memandu seseorang ke arah tindakan masa depan

Pra Syarat untuk Membuat Refleksi

■ Keterbukaan

- **melihat masalah dari semua aspek**
- **mengambil kira semua maklumat yang diperoleh sebelum membuat keputusan pengajaran**

■ Bertanggungjawab

- **bertanggungjawab di atas kejayaan dan segala kegagalan**

■ Kerelaan

- **komitmen sepenuhnya terhadap pengajaran**
- **rajin mengajar semua murid**
- **dapat memenuhi keperluan profesion**



KEPENTINGAN REFLEKSI

- **Membuat penilaian sendiri**
- **Berfikir secara analitik, kritis & kreatif**
- **Menganalisis aktivitas pengajaran pembelajaran di sekolah**
- **Mencari alternatif dalam membuat keputusan**
- **Mencari jalan penyelesaian**
- **Mengubah tingkah laku**

KEPENTINGAN REFLEKSI (samb.)

- **Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pengajaran seseorang guru**
- **Mengenal pasti pelbagai masalah dalam proses p & p secara sedar, cth kawalan kelas, pengurusan masa, aktiviti kumpulan, teknik penyolaan dsb**
- **Merancang tindakan susulan untuk meningkatkan keberkesanan p & p**

LANGKAH-LANGKAH MEMBUAT REFLEKSI



Ciri-ciri Guru Reflektif

Sentiasa mempelajari dan memahami sesuatu yang baru hasil daripada pengalamannya yang telah dilalui

Sentiasa berfikir tentang tujuan, isi kandungan dan tindakan dalam konteks pengajaran

Sentiasa melihat sesuatu isu, situasi atau masalah dari pelbagai perspektif agar penyelesaian terbaik dapat dibuat dengan lebih sistematik



Berusaha memperbetulkan sebarang kesilapan dan perlakuan semasa merancang dan melaksanakan pengajaran


Boleh menghubungkan kait apa yang dipelajari atau dialami dengan tugas dan kehidupan harian

Sentiasa mempelajari daripada apa yang dibuat agar memberi makna kepadanya dalam konteks peribadi, profesion, masyarakat dan negara



Penulisan Reflektif

- 1. Refleksi/penilaian sendiri selepas setiap sesi pengajaran-pembelajaran**
- 2. Jurnal reflektif/mingguan**



Kelebihan Penulisan Reflektif

- **Penulisan reflektif merupakan dokumentasi pengalaman, pemikiran, persoalan, pandangan dan kesimpulan yang merupakan pengalaman pembelajaran. Ia memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir dengan kritis tentang apa yang telah dilakukan dan kenapa ia dilaksanakan sebegitu.**

Kelebihan Penulisan Reflektif (samb.)


Ia menyediakan:

- **Rekod peristiwa dan keputusan serta tindakan.**
- **Data yang dikumpul hasil perbincangan reflektif.**
- **Peluang kepada pelajar untuk membuat pengubahsuaian terhadap apa yang dibuat dan melaksanakannya berbeza dari kebiasaan dan menjadikannya lebih baik.**



Kelebihan Penulisan Reflektif (samb.)

- **Meningkatkan tahap profesionalisma pengajaran.**
- **Peluang untuk mengkaji semula objektif pengajaran dan tidak melihat semua permasalahan sebagai terasing.**
- **Pengayaan kepada kelas kerana pelajar telah bersedia untuk inovasi.**
- **Meningkatkan keyakinan melalui peningkatan motivasi dan meningkatkan kepercayaan terhadap pelajar.**
- **Dokumentasi asas bagi menyokong portfolio pengajaran.**



Penilaian Kendiri



Penilaian Kendiri

- **Mesti ditulis selepas tamat sesi pengajaran**
- **Sekurang-kurangnya satu perenggan**



Contoh Penilaian Kendiri

Pengajaran dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan kerana:

- 1. Objektif pengajaran sesuai dengan kebolehan murid-murid.**
- 2. ABM yang digunakan sesuai dan menimbulkan minat murid-murid.**
- 3. Arahan yang diberikan jelas.**
- 4. Pengurusan masa yang baik.**



Contoh Penilaian Kendiri (samb.)

Pengajaran kurang memuaskan kerana:

- 1. Objektif pengajaran kurang sesuai /terlalu tinggi.**
- 2. Arahan yang diberikan kurang jelas.**
- 3. Langkah-langkah pengajaran terlalu banyak.**
- 4. Kandungan pelajaran terlalu padat/banyak.**
- 5. Teknik penyooalan kurang sesuai.**
- 6. ABM kurang menarik/kurang berfungsi.**
- 7. Pengurusan masa kurang baik.**



Terima Kasih